

DRAF
TEKS UCAPAN PERASMIAN
KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN
KREATIF 2012 (KKIK 2012)
KEMENTERIAN KERJA RAYA

OLEH:

YBHG. DATUK HIMMAT SINGH
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KERJA RAYA

18 OKTOBER 2012
(KHAMIS)

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID,
KOMPLEKS KERJA RAYA

Terima kasih saudara Pengacara
Majlis.

YBhg. Puan Sri Dato' Zaiton binti

Mhad Ali

Timbalan Ketua Setiausaha
(Operasi)

YBhg. Dato' Haji Nasir bin Mat

Dam

Timbalan Ketua Setiausaha
(Pembangunan)

YBhg. Dato' Seri Ir. Hj. Mohd
Noor Bin Yaacob
Ketua Pengarah
Jabatan Kerja Raya Malaysia
(JKR)

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin
Abdul Karim
Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri
Pembinaan Malaysia (CIDB)

YBhg. Dato' Ir. Hj. Ismail bin Md.

Salleh

Ketua Pengarah

Lembaga Lebuhraya Malaysia

(LLM)

Panel hakim yang bijaksana,

YBhg Dato'-Dato', Datin-

Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Salam Sejahtera dan Salam Satu

Malaysia.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan rasa syukur kerana kita semua dapat berkumpul di Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR) Tahun 2012 pada pagi ini. Saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur kerana sudi menjemput saya untuk

merasmikan Konvensyen ini. Terima kasih juga kepada semua yang hadir, di atas komitmen dan sokongan YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan dalam menjayakan konvensyen ini.

LATAR BELAKANG KONVESYEN

2. Konvensyen KIK peringkat KKR ini merupakan kali ke-7 penganjurannya sejak tahun

2006 setelah penjenamaan semula dibuat. Sebelum ini, KIK dikenali sebagai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) yang memberi lebih tumpuan terhadap inovasi berbanding aspek penyelesaian masalah di tempat kerja. Penganjuran Konvensyen KIK ini adalah selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) serta hasrat rakyat yang mahukan sistem penyampaian

Kerajaan dipertingkatkan dari masa ke semasa.

3. Melalui penganjuran Konvensyen KIK ini, penjanaaan idea baru dapat digalakkan untuk memberi nilai tambah kepada sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan sedia ada. Di samping itu, penganjuran Konvensyen KIK ini secara tidak langsung dapat menyemarakkan lagi konsep yang diketengahkan

oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, iaitu konsep P.K.I. iaitu; Produktiviti, Kreativiti dan Inovasi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PERTANDINGAN KIK

4. Konvensyen KIK pada tahun ini akan berlangsung sepanjang 1 hari dan melibatkan dua (2) kategori pertandingan iaitu Pengurusan dan Teknikal.

Format kumpulan yang bertanding pada Konvensyen KIK tahun ini masih diteruskan seperti mana tahun sebelum ini di mana setiap kumpulan dianggotai oleh pelbagai peringkat jawatan. Keahlian kumpulan juga merentasi pelbagai bahagian/unit dari bidang tugas yang berbeza. Konvensyen pada kali ini akan memperlihatkan kehebatan **7 buah kumpulan** iaitu masing-masing **3 Pengurusan dan 4**

Teknikal. Kumpulan-kumpulan ini merupakan KIK terbaik yang mana telah pun melalui peringkat saringan yang diadakan di peringkat Jabatan dan Agensi masing-masing sebelum ini.

5. Kementerian telah memperuntukkan sejumlah hadiah yang besar selaras dengan semakan semula kadar dan peraturan perbelanjaan Konvensyen KIK yang dibuat oleh

pihak Perbendaharaan Malaysia pada tahun 2011. Kadar hadiah bagi johan, naib johan dan tempat ke-3 masing-masing adalah sebanyak RM5,000, RM3,000 dan RM2,000. Peruntukan hadiah yang besar ini menunjukkan sokongan dan komitmen Kerajaan dalam memberi galakan seterusnya mahukan pembudayaan kreativiti dan inovasi ini diserapkan ke dalam pemikiran setiap penjawat

awam di negara ini. Untuk itu, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada semua pasukan yang bertanding dalam konvensyen pada kali ini.

6. Konvensyen KIK pada kali ini bukan sahaja bertujuan untuk memenangi hadiah yang besar semata-mata. Kepada kumpulan yang berjaya pada hari ini, hasil projek kreatif dan inovatif tuan/puan boleh dipertandingkan

di peringkat yang lebih tinggi seperti di Konvensyen KIK peringkat Wilayah, peringkat Kebangsaan, Konvensyen Innovative & Creative Circle (ICC) anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) dan lain-lain pertandingan. Pada tahun ini, pihak Kementerian telah mencalonkan dua kumpulan yang telah menjuarai KIK Peringkat Kementerian pada

tahun sebelum ini untuk mewakili Kementerian ke pertandingan KIK Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan pada bulan November 2012 di Langkawi, Kedah iaitu:

- i. Kumpulan INSPIRA dengan Projek bertajuk '**Kesukaran Memberi Maklumat Lebuhraya Bertol Secara Efektif**' daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi kategori pengurusan; dan

ii. Kumpulan SINAR dengan Projek bertajuk **‘Kelewatan Membaiki Putus Bekalan Disebabkan Kerosakan Lampu Pendarflour Dalam Bangunan’** daripada Jabatan Kerja Raya Cawangan Kejuruteraan Elektrik Pahang bagi kategori teknikal.

Hadirin yang dihormati sekalian,

KOMITMEN PIHAK PENGURUSAN KEMENTERIAN

7. Dalam mencari kaedah-kaedah baru ketika melaksanakan sesuatu tugas, kita perlu kreatif dan inovatif dalam apa saja yang kita lakukan supaya ia dapat memberi nilai tambah. Nilai tambah inilah yang sebenarnya membezakan kita dengan orang lain, sama ada dari segi kualiti perkhidmatan, pengeluaran dan juga permintaan

terhadap produk atau perkhidmatan yang kita sampaikan.

8. Di samping itu, inovasi boleh berlaku hasil cetusan idea yang kreatif bermula dari perkara-perkara yang kecil kepada perkara yang besar dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Inovasi lebih bermakna apabila ianya dilaksanakan secara menyeluruh dan bukan hanya

setakat dipertandingkan atau dilaksanakan di peringkat Jabatan/Agensi sahaja, tetapi diperluaskan ke seluruh Jabatan/Agensi Kerajaan.

9. Ke arah merealisasikan matlamat ini, maka usaha-usaha pembudayaan inovasi dan kreativiti perlu dipupuk dan dihayati. Sesungguhnya, ianya diakui dapat memainkan peranan besar dalam pembangunan

negara dan juga penggerak kepada inisiatif-inisiatif baru Kerajaan. Ketua-ketua Bahagian di Kementerian dan Agensi diminta untuk merangka strategi bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif serta menggalakkan persaingan yang sihat bagi menyemarakkan lagi aktiviti kreativiti dan inovasi organisasi masing-masing.

Hadirin yang dihormati sekalian,

HARAPAN KEMENTERIAN

10. Justeru, besarlah harapan saya agar semua Ketua Bahagian dan Agensi dapat memastikan lebih banyak kumpulan-kumpulan KIK yang baru dibentuk dalam menghasilkan lebih banyak lagi projek inovatif dan kreatif. Semoga Konvensyen KIK ini akan terus menjadi pentas utama bagi mempamerkan

kesungguhan dan komitmen daripada pasukan-pasukan yang bertanding. Adalah menjadi harapan Kementerian agar lebih banyak penyertaan KIK dari KKR dan Jabatan/Agensi lain di bawah KKR bertanding pada konvensyen akan datang.

11. Seterusnya, saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Kementerian

Kerja Raya Tahun 2012.
Selamat berkonvensyen dan
selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih.